

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 14  
RUANGAN : NASIONAL

Influenza A, H1N1

## Tiada bukti bawang merah boleh sembuhkan penyakit

Orang ramai digesa utamakan kebersihan diri elak terkena, cegah jangkitan

Oleh Balqis Jazimah Zahari  
bhnews@bh.com.my

**Iph:** Tiada bukti perubatan dan saintifik yang menunjukkan pelbagai petua dan amalan, termasuk menggunakan bawang merah mampu merawat jangkitan Influenza A dan H1N1.

Bagaimanapun, Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata pihaknya tidak menghalang mereka yang mahu mengamalkan petua dan amalan itu bagi mencegah jangkitan.

Katanya, bagi mengelak jangkitan, orang ramai perlu mempraktikkan kebersihan diri dan sentiasa mencuci tangan, manakala mereka yang mempunyai simptom penyakit itu perlu memakai penutup hidung dan mulut, selain mengelak ke kawasan awam agar

ia tidak merebak.

"Selain itu, amalkan pemakanan seimbang, air yang cukup, rehat dan tidur secukupnya yang menjadikan kadar imuniti lebih baik," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Majlis Pecah Tanah Pusat Komersial Botani Village yang disempurnakan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu, di Bandar Seri Botani, di sini, semalam.

Sebelum ini tular di laman sosial mengenai dakwaan hirisan bawang merah yang diletakkan di persekitaran kawasan kediaman, mampu menyerap virus influenza daripada berjangkit kepada manusia.

Dr Boon Chye berkata, setakat ini bilangan kes influenza di seluruh negara kecuali di beberapa negeri, sedang mengalami peningkatan.

"Kes influenza ini biasanya berlaku setiap tahun kerana ia bermusim. Ia memang berlaku setiap hari dan setiap tahun dan ada beberapa bulan ia akan meningkat, iaitu biasanya awal tahun dan hujung tahun ketika cuti sekolah, kadang-kadang pada Julai, Ogos dan September," katanya.



**Amalkan pemakanan seimbang, air yang cukup, rehat dan tidur secukupnya yang menjadikan kadar imuniti lebih baik.**

Dr Lee Boon Chye,  
Timbalan Menteri Kesihatan

Beliau berkata, setakat ini hanya satu kematian yang disahkan akibat daripada wabak berkenaan.

Sementara itu, ketika diminta

mengulas mengenai radiasi penggunaan teknologi generasi kelima (5G), Dr Boon Chye berkata, ia tidak menjejaskan kesihatan manusia seperti didakwa sesetengah netizen di media sosial.

Katanya, radiasi elektromagnetik di bawah 5G adalah lebih rendah apabila digunakan melalui telefon bimbit.

"Ini berkaitan pendedahan pada gelombang elektromagnetik, teknologi 5G, telefon bimbit dan cahaya matahari, semuanya mempunyai gelombang berkenaan.

"Gelombang elektromagnetik di bawah 5G jauh lebih rendah kalau kita memakai telefon bimbit, jadi kalau kita mengatakan mengenai risiko pendedahan, ia tidak tinggi," katanya.

Dr Boon Chye berkata, bagaimanapun pihaknya akan sentiasa memantau penggunaan teknologi berkenaan dan mengguna pakai garis panduan yang sudah ditetapkan.

Sebelum ini, media sosial dan warganet mempertikai penggunaan 5G dan menjadi perdebatan ramai, apabila terdapat dakwaan menyatakan ia boleh membahayakan kesihatan seperti menyebabkan kanser.

## 200,000 vaksin bakal dibawa masuk

**Petaling Jaya:** Hampir 200,000 bekalan vaksin influenza akan dibawa masuk secara berperingkat ke Malaysia dalam tempoh dua bulan, bermula bulan ini dengan 16,800 daripadanya tiba hari ini bagi memenuhi permintaan awam.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata 15,000 vaksin lagi dijangka tiba Isnin ini, 67,000 pada 27 Januari, manakala baki 100,000 akan dibawa masuk selewat-lewatnya tiga minggu lagi.

"Secara keseluruhan, ia menjadikan hampir 100,000 bekalan vaksin akan tiba pada Januari ini sahaja, manakala selebihnya dalam tempoh dua hingga tiga minggu akan datang.

"Walaupun kita mengharapkan (wabak) ini bersifat bermusim dan jangan terlalu cemas, kita harus mengambil segala tindakan dalam mendapatkan vaksin ini.

"Kita akan memantau perkara ini lagi dalam dua hingga minggu yang akan datang dan saya mengharapkan (keadaan) sedikit reda, kita akan menangani perkara ini dengan lebih dekat



Dr Dzulkefly Ahmad

lagi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Karnival Kesihatan 2020 anjuran Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) di sini, semalam.

Sebelum ini, Kementerian Kesihatan dalam kenyataannya memaklumkan, bekalan tambahan vaksin influenza sebanyak 99,470 dos akan dibawa masuk bulan ini, untuk memenuhi peningkatan permintaan yang mendadak sejak akhir tahun lalu.

Dr Dzulkefly berkata, pihaknya juga menggesa semua pengamal perubatan swasta di ne-

gara ini, agar tidak mengambil kesempatan menaikkan sesuka hati harga vaksin influenza itu yang kebiasaannya dicaj antara RM50 hingga RM100.

Katanya, kementerianya tidak boleh mengawal harga vaksin berkenaan, namun pihaknya mengharapkan kerjasama daripada pengamal perubatan swasta supaya bertanggungjawab dalam menghadapi wabak berkenaan.

Mengenai peningkatan kes influenza yang kebanyakannya membabitkan pelajar khususnya di Selangor, beliau berkata, kementerianya melalui Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Negara (CPRC) akan terus memantau dan mengemas kini perkembangan kes.

Semalam, kes mangsa dijangkiti wabak Influenza A meningkat kepada 717 pelajar berbanding 387 orang sebelum ini.

Mengenai persediaan kementerian itu dalam menghadapi kemungkinan penularan coronavirus melalui pintu sempadan, Dr Dzulkefly berkata, pihaknya sudah mengambil langkah berjajaga dan memantau keadaan

di semua pintu masuk.

Di **Johor Bahru**, Menteri Besar Johor, Datuk Dr Sahrudin Jamal, sekali lagi menegaskan kematian murid Tahun Satu, Nur Dinie Damia Muhammad Noor Ain tiada kaitan dengan jangkitan influenza.

Penegasan itu dibuat berikutan kekecewaan keluarga Nur Dinie Damia yang tular di media sosial sejak beberapa hari lalu, selepas penafian kerajaan Johor dan Kementerian Kesihatan terhadap dakwaan murid Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Skudai itu positif influenza.

"Kita berpandukan ujian data klinikal daripada Hospital Sultanah Aminah (HSA) memang negatif. Jadi, kenyataan kita berpandukan HSA.

"Kalau dari (hospital) swasta, saya tidak mahu komen," katanya.

Sebelum ini, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah mengesahkan ujian sampel klinikal terhadap Nur Dinie Damia yang sebelum ini dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) HSA adalah negatif bagi jangkitan influenza.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 36

RUANGAN : NASIONAL

## Teknologi 5G bantu percepat diagnosis dalam ambulans

**Langkawi:** Penggunaan teknologi generasi kelima (5G) dalam bidang perubatan akan membolehkan pesakit kritikal diberi rawatan dengan lebih efisien dan sewajarnya sekali gus meningkatkan peluang untuk menyelamatkan nyawa.

Ketua Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Sultanah Maliha, Langkawi, Dr Roshidah Rosman, berkata menerusi teknologi itu, pemindahan data pesakit dapat dilakukan secara nyata (*real-time*) ke hospital dari lokasi pesakit didiagnosis.

"Paramedik akan mendiagnosis pesakit dengan lebih cepat menggunakan elektrokardiogram (ECG) dan imbasan ultrabunyi (*ultrasound*) dari dalam ambulans dan imej imbasan itu akan dipaparkan menerusi skrin yang boleh dilihat di skrin tablet atau komputer di hospital.

"Menerusi teknologi 5G, proses mendapatkan keputusan diagnosis menggunakan ECG akan menjadi lebih cepat dan menjimatkan masa kepada hanya satu minit berbanding dua ke tiga minit (menerusi teknologi 4G atau 3G)," katanya di sini, semalam.

Dr Roshidah berkata, pasukan paramedik dalam ambulans boleh berkomunikasi secara terus dengan pakar di hospital dan apabila pesakit tiba, rawatan susulan boleh terus dilakukan kerana proses diagnosis atau *first aid* sudah dibuat ketika pesakit dalam perjalanan ke hospital.

Hospital Sultanah Maliha adalah antara lokasi yang menjalani projek demonstrasi penggunaan teknologi 5G di Langkawi dengan kerjasama syarikat telekomunikasi Digi, sejak Disember lalu.

Dr Roshidah menambah, penggunaan teknologi itu membolehkan pasukan perubatan di hospital memantau secara langsung keadaan pesakit yang dalam per-

jalanan ke hospital menerusi paparan visual dan audio berdefinisi tinggi (HD) daripada kamera yang dipasang di dalam ambulans.

Berkongsi pengalamannya, Dr Roshidah berkata pasukan perubatan hospital terbabit mendapati teknologi itu sangat praktikal terutama dalam memberi rawatan terhadap pesakit yang terkena serangan jantung.

"Perjalanan membawa pesakit ke hospital mungkin mengambil masa 20 ke 30 minit, namun, dengan diagnosis awal dan penjimatan masa menerusi teknologi ini, secara tidak langsung meningkatkan peluang menyelamatkan nyawa pesakit," jelasnya.

Teknologi berkenaan sedang menjalani projek demonstrasi di Langkawi yang dijangka dilancarkan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamed, malam ini.

BERNAMA

**Penggunaan teknologi 5G bolehkan pasukan perubatan di hospital pantau secara langsung keadaan pesakit yang dalam perjalanan ke hospital menerusi paparan visual dan audio HD daripada kamera yang dipasang di dalam ambulans.**

**Dr Roshidah Rosman,**  
Ketua Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Sultanah Maliha



Pasukan perubatan Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Sultanah Maliha, Langkawi menunjukkan demonstrasi menggunakan teknologi 5G ketika merawat pesakit kritikal di dalam ambulans. (Foto BERNAMA)

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL


# 16,800 dos vaksin sudah sampai

Sebahagian daripada 100,000 dos vaksin yang dibawa masuk ke Malaysia bulan ini

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

## SHAH ALAM

**S**ejumlah 16,800 dos vaksin influenza A tiba ke negara ini semalam. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, jumlah berkenaan



DR ZULKEFLY

merupakan sebahagian daripada kira-kira 100,000 dos vaksin influenza A yang akan dibawa masuk ke Malaysia bulan ini.

Daripada jumlah itu juga, katanya, sebanyak 15,000 dos vaksin influenza A akan tiba dan memasuki pasaran esok.

“Sebanyak 67,000 dos vaksin influenza A lagi akan tiba pada 27 Januari depan.

“Satu lagi, (sebanyak) 100,000 dos vaksin akan tiba dalam dua hingga tiga minggu akan datang (Februari),” ciap beliau menerusi akaun Twitter beliau semalam.

Berikutan itu, Dr Zulkefly mengingatkan pihak hospital dan klinik agar menjual vaksin berkenaan pada harga yang berpatutan.

Vaksin influenza A mendapat permintaan tinggi ekoran penularan wabak influenza A di negara ini ketika ini.

Sehingga kelmarin, Selangor merekodkan jumlah jangkitan kes influenza tertinggi dengan seramai 717 pelajar di 248 sekolah dijangkiti virus itu diikuti Pulau Pinang (198 pelajar di 96 sekolah),

Perak (94 pelajar di 55 sekolah), Pahang (53 pelajar dan 3 guru) dan Negeri Sembilan (30 pelajar).

## Penggunaan vaksin Influenza

- Vaksin diambil setiap tahun kerana strain vaksin sentiasa dikemaskini mengikut perubahan antigen virus influenza yang berterusan. Vaksin influenza tidak berkesan untuk melindungi individu dari jangkitan influenza jenis lain kerana berlainan virus penyebab.
- Vaksin mengambil masa dua minggu untuk memberi perlindungan dan boleh bertahan sehingga setahun.
- **Bilangan dos:** Satu (1) suntikan untuk individu berusia lebih 9 tahun, dua (2) dos sekurang-kurangnya 4 minggu selepas dos pertama untuk bayi berumur 6 bulan hingga 9 tahun. Separuh dos untuk bayi berumur 6 hingga 36 bulan.
- **Booster:** Setiap tahun; Individu yang terjejas daya tahan badan (berpunca dari ubat-ubatan atau penyakit) perlu menerima dos kedua (2) empat minggu selepas dos pertama.

Sumber: MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia  
<http://www.myhealth.gov.my/influenza/>

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

## Tiada kajian saintifik hirisan bawang boleh cegah influenza

**IPOH** - Tiada kajian saintifik membuktikan petua hirisan bawang dan penyembur anti-septik dapat membantu merawat dan mencegah penyakit terutama influenza.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye bagaimanapun berkata, tiada halangan untuk mengamalkan petua tersebut tetapi perlu menjaga kebersihan dan mengutamakan kesihatan.

"Tiada kajian saintifik berkenaan dakwaan itu tetapi orang ramai perlu menjaga kesihatan dan mengamalkan pemakanan seimbang dan minum secukupnya bagi mengelakkan jangkitan virus influenza ini.

"Mereka yang ada simptom jangkitan perlu mengelak berada di tempat awam agar tidak menjangkiti individu lain," ketika ditemui pada Majlis Pecah Tanah Kemajuan Komersial Botani Village di

Bandar Seri Botani di sini semalam yang disempurnakan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu.

Boon Chye berkata, rakyat tidak perlu panik trend peningkatan virus influenza yang melanda di beberapa negeri.

Menurutnya, kementerian akan menerima bekalan tambahan vaksin influenza hampir 100,000 dos sekurang-kurangnya hujung bulan ini.

"Orang ramai yang dijangkiti akan pulih secara beransur-ansur dan akan memperoleh imuniti. Vaksin pula hanya diberikan kepada golongan yang berisiko tinggi seperti pesakit jantung atau *frontline* kesihatan," katanya.

Boon Chye juga berharap syarikat pembekal tidak mengambil kesempatan menaikkan harga vaksin berikutan peningkatan permintaan mendadak.



Ahmad Faizal (enam dari kiri) menyempurnakan gimik merasmikan Kemajuan Komersial Botani Village di Bandar Seri Botani, Ipoh semalam.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : STORY OF THE DAYS/NEWS

'DETRIMENTAL TO HEALTH'

## 'Claims on danger of 5G technology baseless'

**IPOH:** The Health Ministry has given the assurance that the use of 5G technology is not detrimental to health.

Deputy Health Minister Dr Lee Boon Chye said exposure to 5G electromagnetic radiation from the use of mobile phones was low and did not cause adverse health effects.

"5G technology, mobile phones and sunlight, all have electromagnetic waves.

"The electromagnetic waves of 5G are much lower when we use with mobile phones, hence the exposure is not high," he said after attending the groundbreaking of the Botani Village Commercial Centre here.

Present was Perak Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu.

Dr Lee said his ministry would continue to monitor the use of the technology.

"We are adopting the guidelines used by large stations that emit electromagnetic waves, along with our cooperation with the World Health Organisation (WHO) and international agencies to monitor and collect relevant data.

"We will look into scientific evidence, but we believe that mobile 5G technology is safe."

He was commenting on claims by netizens that the use of 5G technology could endanger one's health.

Tech experts have also dismissed the claims as baseless.



Dr Lee Boon Chye

Universiti Teknologi Malaysia's Faculty of Engineering senior lecturer, Professor Dr Tharek Abdul Rahman, told Bernama that technology-applied radio frequencies did not produce harmful radiation.

"People need to understand that there are two types of radiation — ionising and non-ionising.

"It is the ionising type, such as x-rays and radioactive, that can cause cancer.

"5G non-ionising radiation will only cause heating that is insufficient to cause long-term effects on body tissues."

He said radiation generated by 5G technology encompassed energy 1,000 times lesser in strength compared with solar energy.

"According to a WHO report,

more than 25,000 research articles published over the past 30 years showed that exposure to low-frequency radio or non-ionising rays had no negative impact on human health."

Universiti Kebangsaan Malaysia's Faculty of Technology and Information Science senior lecturer, Professor Dr Abdullah Mohd Zin, said there was no evidence to link 5G to health risks.

"Claims by netizens are baseless."

Malaysia Public Health Experts Association president Datuk Dr Zainal Ariffin Omar suggested that more campaigns be conducted to boost awareness among the public of the functions and implications of 5G.

"5G emits electromagnetic radiation that is similar to other technologies.

"I hope the government will create programmes to boost awareness and provide up-to-date research information from around the world on the impact of 5G on human health."

5G commercialisation is expected to begin in the third quarter of this year and will not only redefine connectivity in the country, but also contribute to the economy by paving the way for Malaysia to be one of the 5G pioneers in Asean.

Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad is scheduled to launch a demonstration project on the technology in Langkawi today.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NEWS/NATION

## GROWING DEMAND

## 200,000 doses of influenza vaccine to be delivered over 2 months

**PETALING JAYA:** Nearly 200,000 doses of influenza vaccine will be delivered in stages within a two-month timeframe, with 16,800 arriving yesterday to meet public demand.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said another 15,000 doses of vaccine were expected to arrive tomorrow and 67,000 on Jan 27, while the remaining 100,000 would be delivered next three weeks.

"It is estimated that nearly 100,000 doses of vaccine will arrive this month, while the rest will be delivered over the next two to three weeks.

"The influenza outbreak is seasonal and should not be a cause for alarm.

"Nevertheless, it is important for us to get the vaccine.

"We will monitor the situation for the next two to three weeks. I hope by then, it will have im-

proved," he said after opening the Malaysian Medical Association's 2020 Health Carnival here.

The Health Ministry had earlier announced that an additional 99,470 doses of influenza vaccine would be brought this month to meet the increase in demand since the end of last year.

On Friday, the number of Influenza A victims rose to 717 from 387.

On the ministry's preparations to deal with the possibility of coronavirus transmission, Dr Dzulkefly said it had taken precautionary measures and was monitoring all ports of entry.

Malaysian Medical Association president Dr N. Ganabaskaran advised those travelling abroad to get vaccinated for influenza a month before their departure as this could boost their immune system.

"Vaccination does not only protect the patient but also others from being infected by the influenza virus, which can lead to complications such as pneumonia, particularly among high-

risk groups such as children," he said.

In an interview with Bernama, Dr Ganabaskaran said sudden changes in weather and temperature as a result of long-distance travels were among the factors that could weaken a person's immune system and make them susceptible to infection.

He advised people to focus on prevention over treatment, while those who showed symptoms of influenza to seek treatment.

He urged people to adopt good hygiene practices such as covering one's mouth and nose with tissue or a handkerchief when coughing or sneezing, as well as reducing outdoor activities to curb the spread of the virus.

He said a healthy diet high in fibre, protein and vitamin C

would boost the body's immune system.

He said people must avoid eating fried and spicy food.

"Drink warm water frequently to ensure your throat stays moist.

Don't let it become dry because the virus can attack within 10 minutes."

Dr Hanisah Akbar Tajudin, a medical practitioner for 10 years and a resident at Klinik As-Salam in Lembah Keramat, recommended that children aged between 6 months and 8 years receive vaccination twice a year to prevent infections.

"If more people get vaccinated, this will create a 'herd immunity', which means the community is protected against a certain virus."

Dr Hanisah said the influenza vaccine had the potential to reduce the risk of infection in patients by 70 per cent.



Datuk Seri  
Dr Dzulkefly Ahmad

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION

# Flu vaccine coming soon

## Health Ministry to expedite approval for private hospitals

By IVAN LOH and VENESA DEVI  
newsdesk@thestar.com.my

**IPOH:** The Health Ministry will try to expedite approval for influenza vaccine that private hospitals have applied for.

Deputy Health Minister Dr Lee Boon Chye said as there was an urgent need for the vaccine, the ministry would try its best to speed up the process.

He said some 100,000 doses of the vaccine would arrive this month.

"It takes time for manufacturers to make and deliver them. Whenever there is an epidemic, there will be some lag time for the supplies," he told reporters after attending a groundbreaking ceremony of the Botani Village commercial project at Bandar Seri Botani here yesterday.

It was reported that there was a

shortage of the vaccine in the private sector.

This was due to the failure of the country's five registered suppliers to meet demand, with the ministry giving special approval to get some 1.1 million ampules from an alternative supplier for private health facilities.

Dr Lee stressed that not all influenza patients need the vaccine.

"Healthy ones do not need it. Just those who are at high risk.

"At the ministry, we give it to frontline healthcare workers," he said, adding that those with chronic illnesses and those recommended by specialists would also get the vaccine.

Nonetheless, he urged the people to take note of any prolonged symptoms.

"Some of these symptoms include prolonged fever of up to five days,

difficulty breathing, lack of appetite, as well as yellowish, greenish or bloody phlegm.

"If these signs persist, the patient should seek further treatment at a hospital," he said.

On influenza-related deaths, Dr Lee said there were so far only one case recorded in Pahang.

"We've checked the other case in Johor Baru and it is not related to influenza," he said.

In Johor Baru, Menteri Besar Datuk Dr Sahrudin Jamal reiterated that seven-year-old Nur Dinie Damla Muhammad Noor Ain's death was not linked to influenza A.

"Our statements are based on clinical data from Hospital Sultanah Aminah, and I would not comment on results from a private hospital," he told reporters after officiating a health carnival organised by the

Malaysia Medical Association Johor at a mall.

Dr Sahrudin said this when asked to comment on a Facebook post by one of the family members of the supposed victim, expressing their disappointment and claiming that Nur Dinie had influenza.

It was reported that Nur Dinie died at 10.46pm on Monday due to liver and kidney failure.

She had been warded at the intensive care unit of Hospital Sultanah Aminah since Jan 10 after being transferred from a private medical centre.

The victim had tested negative for influenza after a PCR (polymerase chain reaction) test was conducted.

On influenza, Dr Sahrudin told the public not to panic as it was a normal occurrence at the end or beginning of the year.

"Influenza is a common occurrence and people typically recover from it after a while. The public does not have to worry too much about the number of people who contracted influenza," he said.